



PANDUAN PENGGUNA

KEMASKINI PERMOHONAN STR 2026


1. Layari portal rasmi Sumbangan Tunai Rahmah (STR) 2026
<https://bantuan tunai.hasil.gov.my/>
2. Laman Utama MySTR 2026
 - Klik pada butang **Log Masuk**



3. Sistem akan ke halaman **Semakan Pemohon.**



- Jika pemohon telah membuat permohonan STR tetapi tidak mempunyai akaun STR, pemohon mestilah mendaftar terlebih dahulu. Klik **‘Daftar Pengguna Baru’** untuk mendaftar akaun STR. Sila rujuk panduan pengguna – Daftar MySTR 2026
 - Bagi pemohon yang mempunyai akaun STR, sila klik butang **‘SEMAK’** untuk teruskan log masuk ke halaman *dashboard*. Masukkan **ID Pengguna** dan **Kata Laluan** yang telah didaftarkan.
4. Paparan Dashboard akan dipaparkan. Klik menu **‘Kemas kini Permohonan’** setelah berjaya log masuk MySTR.



5. Paparan Maklumat Permohonan

- Maklumat Pemohon

The application form is titled 'MySTR' and includes a sidebar with navigation options: Dashboard, Jadual Perkhidmatan Kaunter, FAQ, Panduan Pengguna, and Borang. The main form area is divided into sections for 'Pemohon', 'Pasangan', 'Tanggungan', 'Dokumen', 'Waris', and 'Pengesahan'. The 'Pemohon' section contains the following fields:

- No. MyKad:** A text input field.
- Nama:** A text input field.
- Umur:** A text input field.
- Jantina:** A dropdown menu with 'Lelaki' selected.
- No. Telefon Rumah:** A text input field.
- No. Telefon Bimbit:** A text input field.
- Pekerjaan:** A dropdown menu with 'Swasta' selected.
- Pendapatan Kasar Bulanan Isi Rumah (Pemohon & Pasangan) RM:** A text input field with a value of '.00'.
- Status Perkahwinan:** A text input field.
- Tarikh Perkahwinan:** A date picker field.

Below the form fields, there is a section for 'Maklumat Pemohon' (Applicant Information) with the following instructions:

- Sekiranya Pemohon berstatus **Kahwin**, sila muat naik dokumen siji perkahwinan atau sila kemukakan siji perkahwinan asal dan salinan ke Pejabat HASIL berhampiran selewat-lewatnya 7 hari selepas permohonan dibuat bagi tujuan pemprosesan permohonan.
- Sekiranya Pemohon berstatus **Cerai**, sila muat naik dokumen siji cerai atau sila kemukakan siji cerai asal dan salinan ke Pejabat HASIL berhampiran selewat-lewatnya 7 hari selepas permohonan dibuat bagi tujuan pemprosesan permohonan.
- Sekiranya Pemohon berstatus **Kematian Pasangan**, sila muat naik siji kematian pasangan atau sila kemukakan siji kematian asal dan salinan ke Pejabat HASIL berhampiran selewat-lewatnya 7 hari selepas permohonan dibuat bagi tujuan pemprosesan permohonan.

Lengkapkan Maklumat Pemohon. Ruangan bertanda (*) adalah mandatori diisi.

- a) Maklumat permohonan akan dipaparkan secara automatik berdasarkan maklumat terkini permohonan yang dihantar secara dalam talian atau berdasarkan permohonan STR 2025.
- b) Kemas Kini ruangan berikut jika ada perubahan maklumat:
- Nombor Telefon Rumah Pemohon
 - Nombor Telefon Bimbit Pemohon
 - Pilihan Pekerjaan
 - Pendapatan Kasar Bulanan Isi Rumah (Pemohon & Pasangan)
 - Pilihan Status Perkahwinan Pemohon:
 - Kahwin
 - Cerai
 - Kematian Pasangan
 - Bujang
 - Jika pilihan Status Perkahwinan adalah Kahwin atau Cerai atau Kematian Pasangan, isikan maklumat Tarikh Status Perkahwinan. Ruangan tarikh ini merujuk kepada Status Perkahwinan,
 - Jika Kahwin, masukkan tarikh perkahwinan
 - Jika Cerai, masukkan tarikh perceraian
 - Jika Kematian Pasangan, masukkan tarikh kematian pasangan
 - Alamat Surat-Menyurat Pemohon
 - Nombor Poskod Pemohon.
 - Maklumat Bandar dan Negeri akan dipaparkan secara automatik berdasarkan maklumat Poskod yang diisi.
 - Pilihan Nama Bank Pemohon. Pilihan maklumat Akaun Bank yang masih aktif. Rujuk lampiran Senarai Bank.
 - Masukkan Nombor Akaun Bank.
 - Alamat e-mel.
- **Maklumat Pasangan (Bagi Pemohon yang mempunyai Pasangan)**

The screenshot shows a web application interface for filling out a form. At the top, there's a navigation bar with a menu icon on the left and 'Peti Mel' with a red notification bubble and 'Log Keluar' on the right. Below the navigation bar, there's a horizontal tab bar with 'Pemohon', 'Pasangan' (selected), 'Tanggungan', 'Dokumen', 'Waris', and 'Pengesahan'. The main content area has a light blue header with a note: 'Sekiranya jenis pengenalan pasangan merupakan MyKAS / Sijil Lahir / Pasport, sila muat naik dokumen salinan pengenalan Pasangan atau kemukakan ke Pejabat HASIL selewat-lewatnya 7 hari selepas permohonan dibuat bagi tujuan pemrosesan permohonan.' Below this, the form fields are organized into two columns. The left column contains: '* Jenis Pengenalan' (dropdown menu showing 'MyKad'), '* No.Pengenalan' (text input field), '* Nama' (text input field), 'No. Telefon Bimbit' (text input field), and '* Nama Bank' (dropdown menu). The right column contains: '* Jantina' (dropdown menu showing 'Perempuan'), '* Pekerjaan' (dropdown menu), and '* No. Akaun Bank' (text input field). There is a blue button labeled 'Semula' next to the '* No.Pengenalan' field.

Jika Status Perkahwinan Pemohon adalah Kahwin, Maklumat Pasangan perlu diisi dengan lengkap. Ruangan bertanda (*) adalah mandatori diisi.

Kemas Kini ruangan berikut jika ada perubahan maklumat:

- a) Pilih Jenis Pengenalan Pasangan
 - No. MyKad / MyPR / MyKAS
 - Sijil Lahir
 - No. Pasport
- b) Masukkan Nombor Pengenalan Pasangan.
 - Jika nombor pengenalan pasangan wujud pada data JPN, maklumat Nama dan Jantina akan dipaparkan secara automatik dan tidak boleh dipinda.
 - Jika tidak wujud pada data JPN, Nama dan Jantina boleh diisi secara manual.
 - Jika jenis pengenalan pasangan adalah Sijil Lahir / No. Pasport, ruangan Nama dan Jantina perlu diisi oleh pemohon. Salinan dokumen pengenalan pasangan perlu dikemukakan ke LHDNM.
 - Sekiranya maklumat pasangan telah wujud pada permohonan lain sebagai pemohon, permohonan tidak boleh diteruskan. Sila rujuk LHDNM berhampiran.
- c) Isikan Nombor Telefon Bimbit Pasangan
- d) Isikan pilihan Pekerjaan
- e) Isikan pilihan Nama Bank Pasangan. Pilihan maklumat Akaun Bank yang masih aktif. Rujuk lampiran Senarai Bank
- f) Masukkan Nombor Akaun Bank Pasangan

- Maklumat Anak (Bagi Pemohon selain Bujang)

Pemohon Pasangan **Tanggung** Dokumen Waris Pengesahan

• Bagi anak yang berumur 19 tahun dan ke atas, sila muat naik dokumen pengesahan pelajar atau sila kemukakan dokumen berkenaan ke pejabat HASIL berhampiran selewat-lewatnya 7 hari selepas permohonan dibuat bagi tujuan pemrosesan permohonan.

No. Pengenalan Nama Umur Status Anak

0 Sila Pilih

Senarai Anak


Bil	No. Pengenalan	Nama	Umur	Status Anak
1			2	

Kemas Kini ruangan berikut jika ada perubahan maklumat:

- a) Masukkan Nombor Pengenalan Anak (MyKad / MyKid sahaja).
 - Jika nombor pengenalan Anak wujud pada data JPN, maklumat Nama dan


Umur akan dipaparkan secara automatik dan tidak boleh dipinda. Salinan Sijil Kelahiran Anak perlu dikemukakan ke LHDNM berhampiran.

- Jika tidak wujud pada data JPN, maklumat Nama dan Umur perlu diisi secara manual.
- Jika anak wujud di permohonan yang lain, paparan mesej 'Maklumat Anak ini telah wujud sebagai Pemohon / Pasangan di permohonan lain' akan dipaparkan.



- b) Pilih Status Anak
 - Anak Kandung
 - Anak Angkat
- c) Anak terhad kepada 5 orang sahaja untuk diisi.
- d) Klik butang Teruskan untuk ke halaman seterusnya

- Dokumen Sokongan



Kemas Kini ruangan berikut jika ada perubahan maklumat:

- a) Sila pilih jenis dokumen, paparan senarai jenis dokumen adalah berdasarkan Status Kahwin.
 - Jika Status Kahwin = Kahwin, sistem akan paparkan dropdown list :
 - Sijil Kahwin
 - Pengesahan Pasangan
 - Pengesahan Status Pelajar
 - Sijil Lahir Anak
 - Jika Status Kahwin = Cerai, sistem akan paparkan dropdown list :

- Sijil Cerai
 - Pengesahan Status Pelajar
 - Sijil Lahir Anak
 - Jika Status Kahwin = Kematian Pasangan, sistem akan paparkan dropdown list :
 - Sijil Kematian Pasangan
 - Pengesahan Status Pelajar
 - Sijil Lahir Anak
- b) Pilih fail dokumen untuk dimuat naik.
- Saiz dokumen haruslah kurang dari 3MB
 - Jenis fail : PDF, JPG, JPEG atau PNG sahaja.
 - Dokumen yang berjaya dimuat naik akan dipaparkan seperti di bawah

Jenis Dokumen ⓘ

Sijil Kahwin
▼

Dokumen

Pilih Fail
Sijil Kahwin.pdf

✓ Dokumen "Sijil Kahwin.pdf" telah berjaya dimuat naik.

Bil.	Nama Fail	Jenis Lampiran	Tindakan
1	Sijil Kahwin.pdf	Sijil Kahwin	📄 🗑️

- Sila klik butang padam bagi tindakan menghapus dokumen.

- Maklumat Waris

☰
Peti Mel 1
Log Keluar

🔍
📅
❓
📄
📄

Pemohon
Pasangan
Tanggung
Dokumen
Waris
Pengesahan

*** Maklumat Waris**

Ada Waris
▼

*** Hubungan**

Hubungan
▼

*** Jenis Pengenalan**

MyKad / MyPR / MyKAS / MyKID
▼

No Pengenalan

No Pengenalan

*** Nama Waris**

Nama Waris

*** No Tel Bimbit**

No Tel Bimbit

Kembali
Teruskan

Kemas Kini ruangan berikut jika ada perubahan maklumat:

- a) Pilih Maklumat Waris
- Ada Waris
 - Tiada Waris
 - Sama Seperti Maklumat Pasangan
- b) Pilih Hubungan
- Pasangan
 - Ibu/bapa
 - Anak

- Adik beradik
 - Cucu
- c) Jika Maklumat Waris “Sama Seperti Maklumat Pasangan”, ruangan Hubungan akan diisi sebagai Pasangan. Jenis Pengenalan, No Pengenalan dan Nama Waris jugak akan diisi menggunakan data pada maklumat pasangan dan maklumat tersebut tidak boleh dipinda.
- d) Pilih Jenis Pengenalan Waris
- No. MyKad / MyPR / MyKAS / MyKid
 - Sijil Lahir
 - No. Passport
- e) Nombor Pengenalan waris.
- f) Nama waris
- Jika nombor pengenalan waris wujud pada data JPN, maklumat Nama waris akan dipaparkan secara automatik
 - Jika tidak wujud atau jenis pengenalan waris adalah Sijil Lahir / No. Pasport, ruangan Nama perlu diisi.
- g) Isikan No Telefon Waris

- Pengesahan

The screenshot shows the 'Pengesahan' (Confirmation) step of the Peti Mel application. The interface includes a top navigation bar with 'Peti Mel' and 'Log Keluar' links. A left sidebar contains icons for various functions. The main content area has tabs for 'Pemohon', 'Pasangan', 'Tanggung', 'Dokumen', 'Waris', and 'Pengesahan'. The 'Pengesahan' tab is active, displaying a form with fields for 'Nama', 'No. Pengenalan', and 'Tarikh Borang'. Below these fields is a Captcha image with the text 'Z w b Q w' and a 'SAHKAN CAPTCHA' button. At the bottom, there are 'Kembali' and 'Teruskan' buttons.

- a) Isi Captcha
- Masukkan nilai Captcha seperti dipaparkan
 - Boleh reset balik Captcha dengan klik pada simbok “Semula”.
 - Jika betul nilai Captcha yang dimasukkan, paparan pengesahan dipaparkan untuk diakui dan ditick.

Pemohon Waris

Pengesahan

Saya

yang bernombor Mykad

☐ Mengakui bahawa maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah benar, lengkap dan betul. Sekiranya saya didapati memberikan maklumat tidak benar atau palsu, saya boleh disabitkan kesalahan di bawah **seksyen 193 Kanun Keseksaan (Akta 574)** dan boleh dikenakan denda atau hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga (3) tahun serta Kerajaan berhak menarik balik bantuan yang telah diluluskan.

Saya dengan ini memberi kebenaran dan bersetuju bahawa maklumat dan pendapatan saya seisi rumah disemak dengan agensi-agensi yang dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi menentukan kelayakan Sumbangan Tunai Rahmah (STR). Semua maklumat berkenaan akan sepenuhnya menjadi **hak milik Kerajaan** serta boleh digunakan untuk urusan atau program rasmi Kerajaan.

- Jika salah nilai Captcha yang dimasukkan, paparan Captcha akan reset semula dan pemohon perlu memasukkan semula nilai captcha yang baru.
- Klik butang '**Hantar**' bagi meneruskan permohonan.